



Health Protection



# SMART Multi Critical Care<sup>1</sup>

Perlindungan hayat terhadap penyakit  
kritikal untuk 188 keadaan



**Great  
Eastern**  
An OCBC Company

---

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad adalah ahli PIDM.

<sup>1</sup> PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

# Perlindungan hayat terhadap penyakit kritikal untuk 188 keadaan

Didiagnosis dengan penyakit kritikal membuatkan kehidupan anda berubah. Bukan hanya ia memberi kesan pada kesihatan, kewangan dan emosi anda, malahan orang tersayang serta masa depan mereka mungkin terjejas. Tatkala anda berdepan dengan dugaan semasa tempoh pemulihan, sekurang-kurangnya anda mempunyai rider penyakit kritikal menyeluruh yang menyokong anda semasa berdepan saat getir.

Smart Multi Critical Care memberi perlindungan terhadap 188 keadaan melalui pelan penyakit kritikal dan manfaat khas. Anda pasti berasa senang kerana beberapa tuntutan dibenarkan daripada manfaat penyakit kritikal peringkat awal sehingga akhir. Selain itu, perlindungan keseluruhan yang boleh dibayar di bawah manfaat penyakit kritikal dan manfaat khas adalah sehingga 860% jumlah asurans rider. Dengan Smart Multi Critical Care, anda dan orang tersayang akan mempunyai penampan kewangan yang kukuh, agar dapat memberi tumpuan penuh untuk pemulihan.

## Manfaat sepintas lalu



Manfaat penyakit kritikal  
sehingga 800% daripada  
jumlah asurans rider



Perlindungan berganda  
terhadap kanser, serangan  
jantung dan strok



Manfaat khas dengan  
perlindungan tambahan  
sehingga 60% daripada  
jumlah asurans rider



Perlindungan berterusan  
sehingga umur 100 tahun  
hari jadi berikut



## Manfaat penyakit kritikal sehingga 800% daripada jumlah asurans rider

Smart Multi Critical Care memberi perlindungan menyeluruh terhadap 178 keadaan penyakit kritikal untuk peringkat awal, pertengahan dan akhir. Sekiranya anda didiagnosis dengan sebarang penyakit kritikal yang dilindungi, anda akan menerima pembayaran seperti dinyatakan di bawah, dalam satu jumlah sekaligus, bagi meringankan beban kewangan orang tersayang dan anda boleh fokus untuk pulih semula.



### Pembayaran peringkat awal dan pertengahan:

50% daripada jumlah asurans rider, tertakluk pada RM300,000 setiap tuntutan dengan maksimum 4 tuntutan dalam agregat



### Bayaran peringkat akhir:

100% daripada jumlah asurans rider<sup>1</sup>



Tuntutan keseluruhan sehingga 800%<sup>2</sup> daripada jumlah asurans rider untuk 3 peringkat penyakit kritikal yang berbeza, tertakluk pada maksimum RM5,000,000 setiap hayat<sup>3</sup>

- <sup>1</sup> Selain Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari, pembayaran tuntutan sebanyak 10% daripada jumlah asurans rider, tertakluk sehingga maksimum RM25,000 bagi setiap hayat.
- <sup>2</sup> Sebelum umur 85 tahun hari jadi berikut, apabila amaun keseluruhan yang dibayar bagi manfaat penyakit kritikal bersamaan seratus peratus (100%) daripada jumlah asurans rider.
- <sup>3</sup> Mengikut agregat semua manfaat penyakit kritikal yang boleh dibayar di bawah semua polisi (tidak termasuk polisi Bankasurans dan polisi Berkelompok) yang dikeluarkan Syarikat.

#### Nota:

- i. Apabila suatu tuntutan penyakit kritikal dibenarkan, tiada tuntutan masa hadapan boleh dibuat bagi peringkat yang sama atau peringkat lebih rendah untuk kategori kejadian yang dilindungi yang **sama** (kecuali kanser, serangan jantung dan strok). Amaun maksimum yang boleh dibayar bagi semua peringkat di bawah setiap kategori penyakit kritikal adalah 100% daripada jumlah asurans rider, kecuali kanser, serangan jantung dan strok.
- ii. Manfaat penyakit kritikal tertakluk pada lien kanak-kanak, jika berkenaan.
- iii. Tertakluk pada terma dan syarat yang berkenaan.



### Perlindungan berganda terhadap kanser, serangan jantung dan strok

Smart Multi Critical Care memberi perlindungan berganda terhadap 3 penyakit yang kerap berlaku – kanser, serangan jantung dan strok. Anda akan menerima tambahan 100% daripada jumlah asurans rider bagi setiap kategori penyakit kritikal ini, tertakluk pada maksimum 400% daripada jumlah asurans rider secara agregat daripada 3 kategori penyakit kritikal ini.

*Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.*



### Perlindungan berterusan sehingga umur 100 tahun hari jadi berikut

Menyedari keperluan bagi perlindungan hayat yang berpanjangan, Smart Multi Critical Care direka agar anda boleh menerima perlindungan hayat walaupun pada usia emas. Bergantung pada pelan insurans berkaitan pelaburan dan tempoh perlindungan rider yang anda pilih, rider ini melindungi anda sehingga umur 100 tahun hari jadi berikut.

*Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.*



### Manfaat khas dengan perlindungan tambahan sehingga 60% daripada jumlah asurans rider

Dapatkan lebih perlindungan dengan manfaat khas untuk pemulihan diabetes, penyakit mental dan quadriplegia keseluruhan akibat kecederaan saraf tunjang. Jika anda didiagnosis dengan sebarang keadaan ini, tambahan 20% daripada jumlah asurans rider akan dibayar, untuk meringankan beban kos rawatan apabila anda memerlukannya. Amaun maksimum yang boleh dibayar bagi manfaat khas adalah sehingga 60% daripada jumlah asurans rider secara agregat daripada semua manfaat khas.

*Nota:*

- i. Hanya satu tuntutan boleh dibayar bagi setiap manfaat khas untuk manfaat pemulihan diabetes, manfaat penyakit mental dan quadriplegia keseluruhan akibat kecederaan saraf tunjang.
- ii. Manfaat penyakit mental tertakluk pada maksimum RM150,000 bagi setiap hayat.
- iii. Manfaat pemulihan diabetes akan ditamatkan pada umur 85 tahun hari jadi berikut.
- iv. Manfaat khas tertakluk pada lien kanak-kanak, jika berkenaan.
- v. Tertakluk pada terma dan syarat yang berkenaan.

Rumusan Jadual Perlindungan & Manfaat

| No | Penyakit Kritikal                                                                     | Pembayaran Manfaat                                                                                                                                                       |                                                                                                                                                                         |                                                                                                    |
|----|---------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    |                                                                                       | Peringkat Awal                                                                                                                                                           | Peringkat Pertengahan                                                                                                                                                   | Peringkat Akhir                                                                                    |
|    |                                                                                       | 50% daripada Jumlah Asurans Rider                                                                                                                                        | 50% daripada Jumlah Asurans Rider                                                                                                                                       | 100% daripada Jumlah Asurans Rider <sup>1</sup>                                                    |
| 1  | Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk                                                   | Penyakit Alzheimer Peringkat Awal                                                                                                                                        | Penyakit Alzheimer Sederhana Teruk                                                                                                                                      | Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk                                                                |
| 2  | Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari                   | Tidak Berkenaan                                                                                                                                                          | Tidak Berkenaan                                                                                                                                                         | Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari                                |
| 3  | Sindrom Apallic                                                                       | Mutisme Akinetik                                                                                                                                                         | Sindrom Locked In                                                                                                                                                       | Sindrom Apallic (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan)                                               |
| 4  | Meningitis Bakteria                                                                   | Meningitis Bakteria dengan Penyembuhan Penuh                                                                                                                             | Meningitis Bakteria Ringan                                                                                                                                              | Meningitis Bakteria - mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Kegiatan Kehidupan Harian |
| 5  | Tumor Otak Benigna                                                                    | Tidak Berkenaan                                                                                                                                                          | Tidak Berkenaan                                                                                                                                                         | Tumor Otak Benigna – Keterukan tertentu                                                            |
| 6  | Buta                                                                                  | Hilang Penglihatan Sebelah Mata                                                                                                                                          | - Atrofi Saraf Optik<br>- Retinitis Pigmentosa                                                                                                                          | Buta – Kekal dan Tidak Boleh Pulih                                                                 |
| 7  | Pembedahan Aneurisme Otak atau Kecacatan Arterio-Vena (melalui prosedur Endovaskular) | Pembedahan Aneurisme Otak atau Kecacatan Arterio-Vena (melalui prosedur Endovaskular)                                                                                    | Tidak Berkenaan                                                                                                                                                         | Tidak Berkenaan                                                                                    |
| 8  | Pembedahan Otak                                                                       | - Pembedahan untuk Hematoma Subdural<br>- Pembedahan Trombosis Sinus Kavernus<br>- Pemasukan Pintasan Serebrum                                                           | - Membuang tumor otak menggunakan laluan transfenoidal<br>- Pembedahan Membuang Tumor Pituitari<br>- Trauma Kepala akibat Kemalangan yang Memerlukan Kraniotomi Terbuka | Pembedahan Otak                                                                                    |
| 9  | Kanser                                                                                | - Karsinoma in situ<br>- Kanser Prostat Peringkat Awal<br>- Kanser Tiroid Peringkat Awal<br>- Kanser Pundi Peringkat Awal<br>- Leukemia Limfositik Kronik Peringkat Awal | Mastektomi untuk CIS Payudara atau Prostatektomi untuk Kanser Prostat Awal                                                                                              | Kanser –keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal                                  |

Rumusan Jadual Perlindungan & Manfaat (Samb.)

| No | Penyakit Kritikal                                | Pembayaran Manfaat                                                                                                                                 |                                                                                                                                  |                                                                                                                   |
|----|--------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    |                                                  | Peringkat Awal                                                                                                                                     | Peringkat Pertengahan                                                                                                            | Peringkat Akhir                                                                                                   |
|    |                                                  | 50% daripada Jumlah Asurans Rider                                                                                                                  | 50% daripada Jumlah Asurans Rider                                                                                                | 100% daripada Jumlah Asurans Rider <sup>1</sup>                                                                   |
| 10 | Kekurangan Adrenal Kronik                        | - Adrenalektomi Untuk Adenoma Adrenal<br>- Feokromositoma dengan Pembedahan                                                                        | Tidak Berkenaan                                                                                                                  | Kekurangan Adrenal Kronik                                                                                         |
| 11 | Anemia Aplastik Kronik                           | - Anemia Aplastik Boleh Dipulihkan<br>- Aplasia Sel Merah Tulen (PRCA)                                                                             | Sindrom Mielodisplastik atau Mielofibrosis                                                                                       | Anemia Aplastik Kronik - mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang                                              |
| 12 | Hepatitis Autoimun Kronik                        | Hepatitis Autoimun Peringkat Awal                                                                                                                  | Tidak Berkenaan                                                                                                                  | Hepatitis Autoimun Kronik                                                                                         |
| 13 | Penyakit Chron Kronik                            | Penyakit Chron Kronik –keterukan tertentu                                                                                                          | Tidak Berkenaan                                                                                                                  | Penyakit Chron dengan Fistula, Penyumbatan atau Penebukan Usus melalui Pembedahan                                 |
| 14 | Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik          | Tidak Berkenaan                                                                                                                                    | Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik yang Sederhana dan menyebabkan Diabetes Melitus serta memerlukan Insulin sepanjang hayat | - Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik<br>- Nekrohemoragik Keradangan Pankreas Akut dengan Pembedahan Pankreas |
| 15 | Kolitis Ulseratif Kronik                         | Kolitis Ulseratif Kronik -keterukan tertentu                                                                                                       | Tidak Berkenaan                                                                                                                  | Kolitis Ulseratif Kronik dengan kolektomi dan ileostomi keseluruhan                                               |
| 16 | Koma                                             | Koma selama 48 jam                                                                                                                                 | - Sawan yang Teruk<br>- Koma selama 72 jam                                                                                       | Koma –mengakibatkan Defisit neurologi Kekal dengan gejala klinikal yang berterusan                                |
| 17 | Pembedahan Pintasan Arteri Koronari              | - Perikardektomi atau Pembedahan Kardium Lubang Kunci<br>- Pembedahan Laser Transmiokardium atau menggunakan Kaunterpulsasi Luaran Dipertingkatkan | Penggrafan Pintasan Arteri Koronari Langsung secara Invasif Minimum (MIDCAB)                                                     | Pembedahan Pintasan Arteri Koronari                                                                               |
| 18 | Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila) | Tidak Berkenaan                                                                                                                                    | Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila) Sederhana                                                                       | Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila)                                                                  |

Rumusan Jadual Perlindungan & Manfaat (Samb.)

| No | Penyakit Kritikal                   | Pembayaran Manfaat                                                                   |                                                        |                                                                                            |
|----|-------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------|
|    |                                     | Peringkat Awal                                                                       | Peringkat Pertengahan                                  | Peringkat Akhir                                                                            |
|    |                                     | 50% daripada Jumlah Asurans Rider                                                    | 50% daripada Jumlah Asurans Rider                      | 100% daripada Jumlah Asurans Rider <sup>1</sup>                                            |
| 19 | Kepekakan / Hilang Pendengaran      | Hilang Sebahagian Pendengaran                                                        | Pembedahan Implan Koklear                              | Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih                                                        |
| 20 | Ebola Demam Berdarah                | Tidak Berkenaan                                                                      | Tidak Berkenaan                                        | Ebola Demam Berdarah                                                                       |
| 21 | Sindrom Eisenmenger                 | Sindrom Eisenmenger Kurang Teruk                                                     | Tidak Berkenaan                                        | Sindrom Eisenmenger yang Teruk                                                             |
| 22 | Elefantiasis (Penyakit Untut)       | Tidak Berkenaan                                                                      | Tidak Berkenaan                                        | Elefantiasis (Penyakit Untut)                                                              |
| 23 | Ensefalitis                         | Ensefalitis dengan Penyembuhan Penuh                                                 | Ensefalitis Ringan                                     | Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Kegiatan Kehidupan Harian |
| 24 | Kegagalan Buah Pinggang Tahap Akhir | - Pembedahan Membuang Sebelah Buah Pinggang<br>- Glomerulonefritis Kronik            | Penyakit Buah Pinggang Tahap Kronik                    | Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau pemindahan buah pinggang                |
| 25 | Kegagalan Hati Tahap Akhir          | - Pembedahan Hati<br>- Pembedahan Pembentukan Semula Salur Biliari                   | - Sirosis Hati<br>- Kolangitis Sklerosis Primer Kronik | Kegagalan Hati Tahap Akhir                                                                 |
| 26 | Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir      | - Asma Teruk<br>- Trakeostomi Kekal (atau Sementara)                                 | Pembedahan Membuang Sebelah Paru-Paru                  | - Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir<br>- Fibrosis Pulmonari Teruk                             |
| 27 | AIDS Peringkat Teruk                | Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) disebabkan Serangan atau Pekerjaan  | Tidak Berkenaan                                        | AIDS Dengan Gejala Penuh                                                                   |
| 28 | Hepatitis Virus Fulminan            | - Hepatitis B atau C yang Diperoleh Menerusi Pekerjaan<br>- Hepatitis dengan Sirosis | Tidak Berkenaan                                        | Hepatitis Virus Fulminan                                                                   |
| 29 | Tetanus Am                          | Tidak Berkenaan                                                                      | Tidak Berkenaan                                        | Tetanus Am                                                                                 |
| 30 | Sindrom Guillain-Barre Tahap Teruk  | Tidak Berkenaan                                                                      | Sindrom Guillain-Barre – Tahap Teruk                   | Tidak Berkenaan                                                                            |

Rumusan Jadual Perlindungan & Manfaat (Samb.)

| No | Penyakit Kritikal                           | Pembayaran Manfaat                                                |                                                                                                                                                            |                                                                                                    |
|----|---------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    |                                             | Peringkat Awal                                                    | Peringkat Pertengahan                                                                                                                                      | Peringkat Akhir                                                                                    |
|    |                                             | 50% daripada Jumlah Asurans Rider                                 | 50% daripada Jumlah Asurans Rider                                                                                                                          | 100% daripada Jumlah Asurans Rider <sup>1</sup>                                                    |
| 31 | Serangan Jantung                            | - Pemasukan Perentak Jantung<br>- Serangan Jantung Kurang Teruk   | Pemasukan Defibrilator Jantung                                                                                                                             | Serangan Jantung –keterukan tertentu                                                               |
| 32 | Pembedahan Injap Jantung                    | Valvuloplasti / Valvotomi Kardium Perkutaneus                     | Penggantian Injap Kardium Perkutaneus                                                                                                                      | Pembedahan Injap Jantung                                                                           |
| 33 | Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah       | Tidak Berkenaan                                                   | Tidak Berkenaan                                                                                                                                            | Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah                                                              |
| 34 | Jangkitan HIV akibat Pemindahan Organ       | Tidak Berkenaan                                                   | Jangkitan HIV akibat Pemindahan Organ                                                                                                                      | Tidak Berkenaan                                                                                    |
| 35 | Endokarditis Infektif                       | Endokarditis Infektif Sederhana Teruk                             | Tidak Berkenaan                                                                                                                                            | Endokarditis Infektif                                                                              |
| 36 | Penyakit Kawasaki dengan Komplikasi Jantung | Penyakit Kawasaki dengan Komplikasi Jantung                       | Tidak Berkenaan                                                                                                                                            | Tidak Berkenaan                                                                                    |
| 37 | Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)  | - Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)<br>- Kehilangan Jari | Tidak Berkenaan                                                                                                                                            | Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)                                                         |
| 38 | Hilang Pertuturan                           | Tidak Berkenaan                                                   | - Hilang Pertuturan (selain daripada kecederaan atau sakit pada peti suara)<br>- Hilang Pertuturan akibat Kelumpuhan pada Peti Suara dan dengan pembedahan | Hilang Keupayaan Bertutur                                                                          |
| 39 | Melecur Teruk                               | Melecur Teruk yang Ringan                                         | Melecur Teruk yang Sederhana                                                                                                                               | Melecur Tahap Ketiga –keterukan tertentu                                                           |
| 40 | Trauma Kepala Utama                         | Pembedahan Pembentukan Semula Muka                                | Trauma Kepala yang Ringan                                                                                                                                  | Trauma Kepala Teruk – mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Kegiatan Kehidupan Harian |
| 41 | Pemindahan Organ Utama                      | - Pemindahan Usus Kecil<br>- Pemindahan Kornea                    | Tidak Berkenaan                                                                                                                                            | Pemindahan Organ Utama / Sumsum Tulang                                                             |
| 42 | Penyakit Sistik Medular                     | Penyakit Sistik Medular Peringkat Awal                            | Tidak Berkenaan                                                                                                                                            | Penyakit Sistik Medular                                                                            |

Rumusan Jadual Perlindungan & Manfaat (Samb.)

| No | Penyakit Kritikal                                                  | Pembayaran Manfaat                                                                                                                                                                   |                                                          |                                                                                                   |
|----|--------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    |                                                                    | Peringkat Awal                                                                                                                                                                       | Peringkat Pertengahan                                    | Peringkat Akhir                                                                                   |
|    |                                                                    | 50% daripada Jumlah Asurans Rider                                                                                                                                                    | 50% daripada Jumlah Asurans Rider                        | 100% daripada Jumlah Asurans Rider <sup>1</sup>                                                   |
| 43 | Tuberkulosis Meningeal                                             | Mielitis Tuberkulosis                                                                                                                                                                | Tidak Berkenaan                                          | Tuberkulosis Meningeal                                                                            |
| 44 | Penyakit Neuron Motor                                              | Neuropati Motor Perifereal yang memerlukan bantuan secara kekal untuk pergerakan                                                                                                     | Tidak Berkenaan                                          | Penyakit Neuron Motor – Defisit neurologi Kekal dengan gejala klinikal berterusan                 |
| 45 | Sklerosis Berbilang                                                | Sklerosis Berbilang Peringkat Awal                                                                                                                                                   | Sklerosis Berbilang Peringkat Awal                       | Sklerosis Berbilang                                                                               |
| 46 | Distrofi Otot                                                      | Tidak Berkenaan                                                                                                                                                                      | Distrofi Otot Sederhana Teruk                            | Distrofi Otot                                                                                     |
| 47 | Myasthenia Gravis                                                  | Myasthenia Gravis Kurang Teruk                                                                                                                                                       | Myasthenia Gravis Dengan Krisis Miastenik                | Myasthenia Gravis                                                                                 |
| 48 | Fasciitis Menekrosis                                               | Fasciitis Menekrosis                                                                                                                                                                 | Tidak Berkenaan                                          | Fasciitis Menekrosis – menyebabkan kehilangan fungsi secara keseluruhan dan kekal                 |
| 49 | Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan | Tidak Berkenaan                                                                                                                                                                      | Tidak Berkenaan                                          | Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan                                |
| 50 | Osteogenesis Imperfecta                                            | Osteoporosis berserta Retak Teruk                                                                                                                                                    | Tidak Berkenaan                                          | Osteogenesis Imperfecta                                                                           |
| 51 | Penyakit Arteri Koronari Lain yang Serius                          | Penyakit Arteri Koronari Peringkat Awal                                                                                                                                              | Penyakit Arteri Koronari Sederhana                       | Penyakit Arteri Koronari Serius                                                                   |
| 52 | Kelumpuhan / Paraplegia                                            | - Kehilangan Penggunaan Sebelah Anggota<br>- Kecederaan Saraf Tunjang Serviks akibat Kemalangan<br>- Penyakit Saraf Tunjang atau Kecederaan yang menyebabkan Gangguan Usus dan Pundi | Kehilangan Sebelah Anggota yang Memerlukan Anggota Palsu | Kelumpuhan Anggota                                                                                |
| 53 | Penyakit Parkinson                                                 | Penyakit Parkinson Peringkat Awal                                                                                                                                                    | Penyakit Parkinson Sederhana Teruk                       | Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Kegiatan Kehidupan Harian |
